

## **BAB 6**

### **KESIMPULAN**

#### **6.0 Pengenalan**

Bab terakhir ini membicarakan tentang beberapa aspek penting yang telah dibincangkan sepanjang kajian ini. Harapan pengkaji semoga kajian yang dijalankan ini mampu menyerlahkan idea dan membuka minda kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mendalami dan meneroka dialek Terengganu ini dengan lebih mendalam dan meluas lagi.

#### **6.1 Kesimpulan**

Hasil daripada kajian mengenai perbandingan pengujaran kata-kata di kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol, jelas menunjukkan bahawa fonem vokal dan konsonan di kedua-dua kampung tersebut adalah sama berdasarkan kepada 405 perkataan yang merupakan data dapatan kajian dan juga adalah sama dengan fonem vokal dan konsonan dialek Terengganu standard.

Berdasarkan vokal dan konsonan yang dikenal pasti antara kedua-dua kampung, perbandingan bunyi antara fonem-fonem tersebut dipaparkan dengan memperlihatkan contoh-contoh yang relevan. Akhirnya terdapat satu perbezaan bunyi yang dikesan iaitu bunyi / ɔ / ( vokal belakang separuh luas ) di akhir kata di kampung Surau Panjang, di mana bunyi tersebut menjadi / a / di kampung Atas Tol. Keadaan ini hanya berlaku

apabila bunyi / au / di akhir kata dalam bahasa Malaysia standard. Bunyi / a/ yang diujarkan oleh penduduk kampung Atas Tol adalah sama dengan apa yang diujarkan oleh penutur dialek Terengganu standard.

Justeru itu persamaan bunyi menjelaskan bahawa terdapat keseragaman dialek antara kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol dengan dialek Terengganu standard.

Faktor yang memungkinkan berlakunya perbezaan tersebut ialah faktor jarak. Jarak antara kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol dengan bandar Kuala Terengganu ialah masing-masing 13 kilometer dan 10 kilometer. Walaupun hanya 3 kilometer sahaja, namun lokasi kampung Surau Panjang lebih menghala ke Selatan iaitu menuju ke sempadan daerah Marang dan Hulu Terengganu manakala lokasi kampung Atas Tol lebih menghala ke arah Utara menuju ke kawasan bandar Kuala Terengganu.

Merujuk kepada lokasi dan jarak kedua-dua kampung ( berdasarkan bunyi / ɔ / dan / a/ ) dapat disimpulkan bahawa penduduk kampung Atas Tol menerima pengaruh daripada kawasan bandar Kuala Terengganu manakala penduduk kampung Surau Panjang pula menerima pengaruh daripada kawasan Hulu Terengganu.

Seterusnya pengkaji meneruskan kajian dengan menghuraikan faktor pergaulan luas terhadap aspek peringkat umur, taraf pendidikan dan taraf ekonomi terhadap peralihan bunyi. Ini berikutan kerana terdapatnya individu di kampung Surau Panjang yang mengalihkan bunyi / ɔ / kepada bunyi / a / dan bunyi / a / kepada bunyi / au / di kampung Atas Tol dalam keadaan apabila ia bersejajaran dengan bunyi akhiran / au / dalam bahasa Malaysia standard. Huraian terperinci mengenai faktor ini diilustrasikan

melalui graf agar dapat dilihat dengan jelas peratusan penggunaan bunyi-bunyi / a / , / ɔ / dan / au / .

Pengkaji hanya memilih 18 orang sampel bagi mewakili jumlah penduduk kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu golongan tua, dewasa dan muda serta kepelbagaian taraf pendidikan dan ekonomi.

Setelah data-data dianalisis, dalam kedua-dua kampung didapati bahawa golongan tua, mereka yang tiada pendidikan formal dan mempunyai taraf ekonomi yang rendah masih mengekalkan dialek asal kampung mereka kerana pergaulan sosial mereka yang terhad.

Manakala bagi golongan dewasa pula, ada berlakunya peralihan bunyi, namun hanya 28.12% sahaja bagi penduduk AT, dan sebaliknya di SP, peralihan bunyi berlaku dalam kadar peratusan yang lebih tinggi iaitu 34.38% .

Sementara mereka yang berpendidikan menengah, bagi kedua-dua kampung peralihan bunyi berlaku dalam kadar yang sederhana sahaja iaitu 28.12% bagi kampung SP dan 18.75% bagi kampung AT. Manakala informan yang mempunyai taraf ekonomi yang sederhana bagi kedua-dua kampung juga melakukan peralihan bunyi dalam kadar yang sederhana iaitu 25% bagi SP dan 18.75% bagi kampung AT.

Manakala golongan muda, mereka yang berpendidikan tinggi dan mempunyai taraf ekonomi yang tinggi bagi kampung SP rancak melakukan peralihan bunyi dengan kadar peratusan yang tinggi iaitu masing-masing 68.75%, 75% dan 71.88% .

Seterusnya di kampung AT pula, golongan muda, mereka yang berpendidikan tinggi dan yang mempunyai taraf ekonomi yang tinggi juga melakukan peralihan bunyi, iaitu masing-masing 43.75%, 34.38% dan 37.50%.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kadar peratusan peralihan bunyi di kampung SP lebih tinggi berbanding AT. Bagi penduduk SP mereka mencari keseragaman bunyi dengan TS, maka mereka lebih mudah terpengaruh kerana pergaulan sosial mereka adalah di kalangan mereka yang menuturkan dialek Terengganu standard.

Namun begitu AT mencari keseragaman bunyi dengan bahasa Malaysia standard. Jelas lebih sukar bagi penduduk AT untuk melakukan peralihan bunyi dalam kadar yang tinggi memandangkan mereka menetap di kampung asal mereka dan majoriti pergaulan sosial mereka di kalangan penutur dialek Terengganu standard.

Ini jelas menunjukkan adanya perkaitan antara ketiga-tiga aspek tersebut iaitu aspek peringkat umur, taraf pendidikan dan taraf ekonomi dalam menghuraikan faktor pergaulan luas terhadap peralihan bunyi.